

dikesan bagi memastikan ianya disiapkan menurut jadual. Sekiranya Jumlah Harga Kontrak melebihi RM 500,000 mesyuarat tapak bina bulanan diadakan untuk mengesan kemajuan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit dari pelaksanaan kerja tersebut.

3.13 Lanjutan Masa Penyiapan

- 3.13.1 Apabila ternyata penyiapan kerja akan terlambat, sebab-sebab kelambatan perlu diteliti.
- 3.13.2 Walaupun sebab-sebab khusus yang membenarkan Kontraktor mendapat lanjutan masa seperti dinyatakan dalam Kontrak, dia lazimnya diberi lanjutan masa sekiranya sebab kelambatan adalah diluar kawalannya. Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa akan dikeluarkan bagi maksud melanjutkan masa penyiapan.

3.14 Pengenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan

- 3.14.1 Apabila penyiapan kerja terlambat dan sebab kelambatan tidak membenarkan lanjutan masa, semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 3.14.2 Kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Kerajaan didapatkan kembali daripada Kontraktor melalui pengenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Perakuan Kerja Tak Siap dikeluarkan bagi maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan.

3.15 Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

- 3.15.1 Disamping menunjukkan penyiapan kerja akan terlambat, pengesanan kemajuan kerja juga boleh menunjukkan yang penyiapan dalam tempoh yang munasabah (seandainya dapat disiapkan) adalah jauh untuk dicapai. Perlakuan Kontraktor